

Lim syor suruhanjaya siasat Perwaja

RAH 27 FEB 2002
GEORGETOWN, Selasa – Pengerusi DAP Kebangsaan, Lim Kit Siang mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyasat kerugian dan dakwaan penyelewengan membabitkan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja).

Lim juga mencadangkan bekas Ketua Pengarah

Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Zaki Husin, dilantik bagi membantu siasatan itu.

“Langkah ini perlu untuk mengelakkan nama Malaysia tercatat dalam *Guinness Book of Records* sebagai negara yang mempunyai skandal besar tanpa sebarang penjenayah,” katanya dalam satu kenya-

taan di sini, hari ini.

Lim mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa berlaku penyalahgunaan wang dan salah pengurusan dalam Perwaja sehingga menyebabkannya kerugian besar.

Dr Mahathir berkata demikian dalam satu sesi

dialog di London dan disiarkan dalam akhbar tempatan, hari ini.

Antara lain, Perdana Menteri dilaporkan sebagai berkata, pihak berkuasa masih meneruskan siasatan terhadap syarikat itu dan mereka yang bertanggungjawab dalam sebarang penyelewengan akan dihidapkan ke mahkamah.